

satu pencapaian yang tinggi untuk wanita Melayu pada awal dekad 1920-an. Selain itu, dia bebas bergerak, berani dan sifat individualistiknya lebih terserlah apabila dia tidak hiraukan umpatan dan juga perasaan hairan orang lain terhadap peri laku dan keberaniannya. Berpakaian Eropah, ia juga menaiki beca yang tidak bertutup, seperti wanita di Padang Garam (*lakah Salmah?*, 1975: 36). Akan tetapi bila dibandingkan dengan Yahya, Salmah telah dijadikan Ahmad Rashid Talu saluran fikirannya tentang masalah politik, sosial dan ekonomi orang Melayu. Namun demikian, watak wanita itu diberi ruangan yang cukup luas untuk bersyarah tentang perkara-perkara tersebut di hadapan kaum keluarga. Masa yang diambil Salmah untuk bersyarah itu cukup panjang, iaitu dari halaman 112-14 dalam *lakah Salmah?* (1975). Dia juga memberi syarahan di kampung-kampung. Melalui syarahan Salmah, pengarang mengungkapkan keprihatinannya terhadap kemunduran ekonomi orang Melayu dan juga keterbelakangan wanita Melayu daripada sudut ilmu. Kesemua itu adalah akibat daripada sifat negatif orang Melayu, termasuk hasad dengki, tidak ada perancangan untuk masa depan, selain ulama mementingkan diri. Keberanian Salmah menghujahkan pendapatnya semata-mata kerana Ahmad Rashid Talu menyakini kemampuan Salmah, walaupun ia cuma seorang gadis yang berusia 15 tahun. Berbanding dengan Ramlah, watak dalam *Kawan Benar*, atau Yahya, watak dalam *Dua Belas Kali Sengsara*, Salmah lebih terkehadapan daripada segi keberaniannya mengeluarkan idea yang tegas tentang masalah sosial dalam masyarakat Melayu ketika itu.

Ahmad Rashid Talu juga amat peka terhadap komposisi penduduk di Tanah Melayu, khususnya di negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang, Singapura dan Perak. Di negeri-negeri itu terdapat ramai penduduk Cina dan India, hasil Dasar Pintu Terbuka di tangan penjajah British pada awal abad yang ke-20. Oleh itu, dia memasukkan watak bukan Melayu dalam novel-novelnya. Mereka digambarkan mempunyai hubungan yang baik, mesra dan saling membantu dalam banyak keadaan. Menerusi watak Beng Seng, misalnya, Salmah mendapat tahu Abu Bakar berada di Singapura. Dalam *Dua Belas Kali Sengsara*, beberapa watak orang Cina juga memainkan peranan yang penting. Antaranya ialah See Ho yang kemudian memeluk agama Islam dan berkahwin dengan Yahya. Selain itu, semua watak dalam novelet *Silap* adalah orang Thai dan beragama Budha. Daripada sudut itulah juga Ahmad Rashid Talu telah membawa perubahan lain dalam penulisan novel Melayu pada peringkat awal perkembangannya.

Selain itu, Ahmad Rashid Talu juga telah jauh ke hadapan dibandingkan dengan Ahmad Kotot, yang mengambil latar desa untuk novelnya *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan*. Sekiranya plot cerita *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* berlegar di sekitar kampung yang kecil, Ahmad Rashid Talu menggunakan latar tempat yang pelbagai dalam novel-novelnya. Selain itu, beberapa novelnya mengambil Pulau Pinang sebagai latar tempat (Jadual 1). Kepelebagaian latar tempat itu sejajar dengan pengalaman pengembaraannya. Beliau

pernah ke Kelantan, Singapura dan Selatan Thai. Dalam pengembaraan ini, dia telah melakukan pelbagai pekerjaan, termasuk menoreh getah, untuk menampung hidupnya (Sarah Sadon 1996: 2). Walaupun beberapa buah novelnya mengambil Pulau Pinang sebagai latar tempat novelnya, tetapi pemaparan tempat latar itu tidaklah *stereotype* atau berulang-ulang. Di sini, beliau boleh dikatakan telah memulakan sesuatu yang baru dari segi kepelbagaian latar tempat novel-novelnya. Beliau telah memulakan sesuatu yang baru dari segi kepelbagaian latar tempat novel-novelnya dalam konteks kesusasteraan Melayu masa itu.

Selanjutnya, A. Wahab Ali mengatakan latar waktu dalam hikayat Melayu selalunya tidak disebut atau dilukiskan dengan tepat (1988: 105). Sehubungan itu, ternyata Ahmad Rashid Talu telah membawa satu lagi perubahan dalam penulisan novel Melayu. Beliau telah menggunakan latar masa dengan tepat seperti dalam *Dua Belas Kali Sengsara*, iaitu antara April 1925 hingga 15 Mei 1926. Dalam tempoh masa inilah Yahya mengalami dua belas kali sengsara. Peredaran masa begitu kuat terasa dalam novel ini daripada lapan belas pucuk surat yang dikirim A.K. (Akuan Kasih) kepada Yahya. Dalam surat-surat itu telah dicatatkan tarikh surat itu ditulis, selain dipaparkan berita tentang peristiwa yang berlaku di sekitar Yahya. Selain itu, tarikh telah digunakan dalam novel *lakah Salmah?* yang bermula pada 30 Ogos 1921, ketika Nahariah menunggu kedatangan bakal kakak iparnya, Shamsiah, di Ulu Yam. Tarikh Februari 1920 juga dicatatkan di halaman 1 dalam novel *Kawan Benar*. Begitu juga dengan novel *Perangkap Hitam*: mencatatkan tarikh berlakunya kisah itu dalam tahun 1919. Walaupun dalam kedua-dua novel itu tidak dinyatakan tarikh tamatnya kisah yang dipaparkan, tetapi dengan tercatatnya tarikh itu, pembaca yang peka tentang sejarah dapat memahami novel-novel itu telah juga mencerminkan satu lagi tahap perkembangan sejarah tanah air. Dengan itu, pengkaji novel Melayu dapat juga menggunakan novel-novel Ahmad Rashid Talu sebagai bukti dokumen sejarah sosial masyarakat Melayu, khususnya di Pulau Pinang. Daripada perspektif itu, Ahmad Rashid Talu seolah-olah juga menyedari novel-novelnya dapat dijadikan dokumen sejarah masa depan.

Perubahan lain yang dibawa Ahmad Rashid Talu dalam novel-novelnya ialah kesegaran cerita kerana menggunakan dialog. Dialog antara watak-watak itu telah memainkan peranan menggerakkan plot cerita, seperti dalam *lakah Salmah?*. Walaupun campur tangan pengarang kuat dirasai, tetapi penggunaan dialog gaya utara (Pulau Pinang) terasa hidup. Sifat individualiti Ahmad Rashid Talu sebagai pengarang juga terletak pada gaya bahasa kolokial dalam erti kata ungkapan-ungkapan Pulau Pinang banyak digunakan (Yahya Ismail 1974: 647). Walaupun telah disebut banyak pembaharuan yang dibawanya, tetapi Ahmad Rashid Talu belum lari sepenuhnya dari menggunakan *literary devices* sastera tradisi. Antaranya pantun dan syair banyak digunakan dalam

novel-novelnya untuk menggambarkan perasaan rindu, gembira dan duka yang dialami watak-wataknya.

## KESIMPULAN

Itulah serba sedikit tentang dunia kreatif Ahmad Rashid Talu yang terpancar dalam novel-novelnya, lebih-lebih lagi unsur-unsur baru seperti yang disebut tadi. Jalinan antara unsur tradisi dan baru dalam karya-karya itu mencerminkan kemampuannya yang sekadar mendapat pendidikan rendah. Oleh itu, adalah tidak mungkin beliau membawa perubahan yang drastik hingga meninggalkan pengaruh penulisan tradisi, lebih-lebih lagi memikirkan khalayak pembacanya memang tidak dapat menerima sesuatu yang baru sama sekali. Apalah ertinya menghasilkan karya jikalau ia tidak dapat dihayati khalayak yang menghidupkan dunia sastera tanah air pada dekad 20an – 30an itu?

## RUJUKAN

- Abu Bakar Hamid. 1973. *Dua Buah Novel Melayu Peralihan*, Nusantara. Julai.
- A. Wahab Ali. 1988. *Tradisi pembentukan sastera Melayu moden*, Petaling Jaya: Sarjana.
- \_\_\_\_\_. 1992. *The emergence of the novel in moden Indonesia and Malaysian literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Rashid Talu. 1927. *Kawan Benar*, (novel), cetakan 2, 1976, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1928. *lakah Salmah?*, (novel dalam tujuh penggal), Pulau Pinang: Ahmad, Abdul Rahman & Co., cet. 2, 1975, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- \_\_\_\_\_. 1929. *Dua Belas Kali Sengsara*, (novel dalam lima penggal), Pulau Pinang: Penggal 1, Ahmad, Abdul Rahman & Co., penggal 11-1V, Muhammad Ali bin Muhammad al-Rawi, Penggal V, Haji Abdullah bin Nurdin al-Rawi.
- \_\_\_\_\_. 1932. *Siapa Jahat atau Datuk Cincano*, (novel dalam empat penggal), Pulau Pinang: Penggal I – III, Ahmad, Abdul Rahman & Co., Penggal IV Muhammad Ali bin Muhammad al-Rawi.
- \_\_\_\_\_. 1933. *Rahmah bte Abdullah atau Peti Rahsia*, (novel dalam dua penggal), (cuma penggal pertama yang terbit), Pulau Pinang: Muhammad Ali bin Muhammad al-Rawi.
- \_\_\_\_\_. 1934. *Perangkap Hitam atau Kelawar Pulau Pinang*, (novel dalam dua penggal), Pulau Pinang: Haji Abdullah bin Nurdin al-Rawi. Cetakan 2, 1987, Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1934. *Silap atau Ciu Yang Taat*, (novelet dalam *Kawan Bercakap*), Pulau Pinang: Arba Ikhwan.
- \_\_\_\_\_. 1935. *Sedih atau Riwayat Sekapur Sirih*, (novelet dalam majalah *Kawan Bercakap*), Pulau Pinang: Arba Ikhwan.
- \_\_\_\_\_. Tanpa tahun. *Dua kali Selamat atau Selamat Yang Beruntung*, Pulau Pinang Arba Ikhwan.
- Dayang. 1963. Novel Melayu pertama berjejak di bumi nyata. *Berita Minggu*. 14 Julai.

- Hashim Awang. 1989. *Novel hikayat: Struktur penceritaan Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Iskandar Hj. Ahmad. 1980. *Persuratkhabaran Melayu, 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safian Hussein, Mohd. Thani Ahmad dan Johan Jaafar. 1981. *Sejarah kesusasteraan Melayu 1*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarah Sadon. 1996. *Pengalaman, sikap dan pemikiran Ahmad Rashid Talu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Ismail. 1970. *Satu kajian mengenai karya-karya Ahmad Talu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1974. Ahmad Talu: Novelis Melayu pertama. *Dewan Bahasa* 18 (Disember): 614-654.

Dr. Rosnah Baharuddin  
Pensyarah, Jabatan Persuratan Melayu  
Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia